

Headline McDonalds Community Dinner
Date 03. Jul 2007
Media Title Harian Metro
Section Variasi
Circulation 172903
Readership 605160
Language MALAY
Page No 12
Article Size 821 cm2
Frequency Daily
Color Full Color



MAKAN Malam Amal sempena sambutan 25 tahun McDonald's Malaysia meriah dengan kehadiran penyanyi Ning Baizura dan Anuar Zain.

Makan malam itu bagi membantu membiayai perbelanjaan rumah kanak-kanak yang memerlukan bantuan.

Pengarah Urusannya, Azmir Jaafar, berkata sejak restoran pertama dibuka pada 29 April 1982 di Bukit Bintang, McDonald's kini mempunyai 172 cawangan di seluruh negara dengan 4.5 juta pelanggan sebulan.

Beliau berkata, hasil kutipan amal di semua cawangannya, McDonald's mengumpul sebanyak RM250,000 untuk diberikan kepada rumah amal, antaranya Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) dan Tabung Kebajikan Kanak-Kanak Ronald McDonald Malaysia (RMCC).

Majlis makan malam itu turut menyampaikan sijil dan plak kepada kakitangan yang berkhidmat 25 tahun bersama McDonald's.

Turut hadir, Yang Dipertua MKKM, Tan Sri Zaleha Ismail, Presiden RMCC, Fadillah Yakin, bekas rakan kongsi McDonald's, Mohamed Shah Tan Sri Abdul Kadir dan maskot McDonald's.



DIHARGAI...sebahagian kakitangan yang berkhidmat 25 tahun bersama McDonald's bersama sijil dan plak yang diterima.

Makan Malam Amal McDonald's

DAPAT SAMBUTAN...sebahagian hadirin yang hadir sempena Makan Malam Amal McDonald's.



RAMAH...Anuar menyanyi bersama seorang peminat di majlis Makan Malam Amal McDonald's.



MEMUKAU...gaya berhaja Ning membuatkan hadirin meletak di kerusi sepanjang persembahannya.

BERBAKAT...persembahan kanak-kanak dalam tarian ballet memikat penonton sempena Makan Malam Amal McDonald's.

